

31 MAR 2001

Wanita-Kes Tutup

WANITA UMNO PAHANG SUDAH TUTUP KES PENYINGKIRAN KETUANYA

MUADZAM SHAH, 31 Mac (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Pahang Maznah Mazlan hari ini berkata, usul yang dibuat oleh kesemua 11 ketua Wanita Umno bahagian di negeri itu untuk menyingkirkannya kini dianggap sebagai "kes tutup"

"Saya rasa kini semuanya telah kembali seperti biasa selepas pertemuan kami di Temerloh minggu lepas," kata beliau sebagai mengulas kemelut itu yang disifatkan oleh Ketua Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob sebagai didorong oleh kepentingan diri ketua Wanita Umno bahagian-bahagian itu.

Maznah berkata episod itu telah berakhir dan semua orang dalam Wanita Umno Pahang perlu menumpukan pada perjuangan parti.

"Saya akan berusaha gigih untuk membawa bersama semua orang... .. kes sudah tutup," katanya.

Kumpulan itu dikatakan telah menghantar dua memoranda, satu kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan satu lagi kepada Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Dalam memoranda itu, kumpulan itu berkata mereka telah hilang keyakinan terhadap kepimpinan Maznah kerana cara beliau mengendalikan pengagihan geran kepada Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (Hawa) di peringkat daerah.

Ketegangan memuncak selepas Maznah, yang juga pengerusi Hawa Pahang enggan memperuntukan RM30,000 kepada Hawa di setiap daerah kerana bimbang wang itu akan digunakan oleh ketua-ketua wanita Umno bahagian dalam pemilihan bahagian.

Maznah yang merupakan pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita tidak memegang jawatan ketua wanita di mana-mana bahagian.

-- BERNAMA

ROS PR